

|             |   |              |                          |
|-------------|---|--------------|--------------------------|
| Headline    | <b>Maqasid syariah bendung seleweng perbankan Islam</b> | Language     | <b>Malay</b>             |
| Date        | <b>01 Dec 2010</b>                                      | Page No      | <b>N8</b>                |
| MediaTitle  | <b>Sinar Harian</b>                                     | Article Size | <b>85 cm<sup>2</sup></b> |
| Section     | <b>Nasional</b>   | Color        | <b>Black/white</b>       |
| Journalist  | <b>N/A</b>  | ADValue      | <b>340</b>               |
| Frequency   | <b>Daily</b>  | PRValue      | <b>1,020</b>             |
| Circ / Read | <b>60,000 /</b>   |              |                          |



## **Maqasid syariah bendung seleweng perbankan Islam**

KUALA LUMPUR – Kewujudan maqasid syariah mampu membendung penyelewengan dalam sistem kewangan Islam.

Rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Profesor Datuk Dr Jamil Osman berkata, kewangan Islam kini perlu kembali kepada asas iaitu nilai etika Islam.

“Penjelasan tentang maqasid syariah perlu dilaksanakan supaya sistem kewangan Islam lebih terancang mengikut syariat yang ditetapkan.

“Ini kerana masih terdapat kekeliruan apabila orang bukan Islam menggunakan sistem berkenaan tanpa mengetahui kaedah yang betul,” katanya ketika berucap semasa menerangkan Life International Conference 2010 di sini semalam.

Menurutnya, negara adalah antara pencetus utama sistem kewangan Islam yang terunggul di dunia melalui dua perbankan iaitu Tabung Haji dan Bank Islam (M) Berhad.

“Selaras itu, persidangan yang akan dilaksanakan kelak tentang ‘sustainable development in muslim countries economic policies in the light of maqasid al-syariah’ dapat merungkai setiap permasalahan dan penjelasan tentang perkara ini.

“Mereka yang terdiri daripada latar belakang syariah dan lain-lain akan berkumpul untuk mendengar dan memahami 70 kertas kerja yang akan dibentangkan nanti,” katanya.